

PERBEZAAN DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN KENDIRI IDEAL (PART 9)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

3. PEMBINAAN KENDIRI IDEAL

Kendiri Ideal yang positif adalah personaliti terbaik pada diri. Ia berfungsi penuh untuk meningkatkan serta memajukan perkembangan diri seseorang untuk berubah daripada keadaan yang tidak baik kepada yang baik dan daripada yang baik kepada yang lebih baik.

Kendiri Ideal terbina daripada fitrah semulajadi manusia yang sentiasa berevolusi mempertingkatkan diri dan kehendak diri yang tidak terbatas. Konsep ekonomi ada mengatakan tentang kehendak kemanusiaan yang tidak akan puas menunjukkan adanya daya evolusi perkembangan diri pada setiap individu.

Setiap individu dibekalkan dengan potensi tersendiri untuk menyelesaikan masalah dan juga belajar daripada persekitaran serta pengalaman. (*Rogers*)

Rogers menjelaskan tentang bagaimana Kendiri Ideal terbina daripada seseorang. Beliau menekankan bahawa seseorang perlu jujur terhadap diri sepenuhnya. Dengan itu, kedua-dua sudut keperluan konsep Kendiri Sebenar dan penerimaan diri dapat dipenuhi. Setelah itu, Kendiri Ideal dapat dibina dengan taraf yang positif dan efektif kepada diri.

CONTINUE...